

22/10/2002

Nik Aziz hargai hasrat Dr M bantu umat Islam

KOTA BHARU, Isnin - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memiliki ketokohan untuk menjadi pemimpin dunia, bersesuaian dengan sikap dedikasinya dan sanggup menentang arus negara besar termasuk Amerika Syarikat, kata Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Sehubungan itu, beliau menyambut baik kesediaan Dr Mahathir untuk terus berperanan dalam menangani masalah yang dihadapi umat Islam walaupun selepas bersara pada Oktober tahun depan.

"Jarang ada pemimpin negara kecil seperti Malaysia yang sanggup menentang kuasa besar tetapi Dr Mahathir berani melakukannya.

"Apabila beliau menyatakan kesanggupannya untuk terus membantu umat Islam (selepas bersara) menghadapi masalah mereka, sudah tentu ia dilihat sebagai sesuatu yang baik," katanya ketika ditemui di Kota Darul Naim di sini, hari ini.

Semalam, Dr Mahathir menyatakan kesediaannya untuk terus memainkan peranan dalam menangani masalah yang dihadapi umat Islam walaupun selepas bersara, tahun depan.

Bagaimanapun, katanya, soal kapasitinya berikutan tidak lagi bergelar Perdana Menteri pada ketika itu, boleh difikirkan kemudian.

Pada masa sama, Nik Abdul Aziz yang juga Mursyidul Am Pas berkata, hala tuju yang bakal dibawa Dr Mahathir perlu dijelaskan kerana selama ini pemimpin itu didakwa lebih cenderung ke arah sekular dan bukannya Islam.